

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST dari perkhidmatan yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri termasuk Wilayah Persekutuan, mengikut negeri/Wilayah Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai nilai kutipan GST daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri tidak dapat dinyatakan kerana sebarang GST yang dibayar adalah dibuat kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang merupakan perniagaan berdaftar GST dan bukannya secara terus

kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Maklumat terimaan GST daripada perniagaan berdaftar GST hanya boleh dikategorikan mengikut profil industri, saiz, jenis pendaftaran dan sebagainya dan bukannya mengikut pihak yang menerima bekalan barang atau perkhidmatan daripada perniagaan berdaftar GST tersebut.